

# Muszaphar terpilih

Kosmo m/s 2 10.10.07

BAIKONUR (KAZAKHSTAN) - Dr. Sheikh Muszaphar Shukor, 35, dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan Angkasawan Agensi Angkasa Rusia (Roscosmos) sebagai angkasawan pertama Malaysia untuk misi ke angkasa lepas hari ini.

Doktor bedah ortopedik dari Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) yang berasal dari Seremban itu akan berada sembilan hari di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Beliau akan berlepas dengan roket Soyuz TMA-11 bersama Komander Peggy Whitson dari Amerika Syarikat dan jurutera penerbangan Yuri Malenchenko dari tapak pelancaran Baikonur Cosmodrome pada pukul 7.21 malam waktu tempatan (9.21 malam waktu Malaysia).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis berkata, pemilihan Sheikh Muszaphar berasaskan pencalonan asal oleh Malaysia kepada Roscosmos yang mencalonkan Sheikh Muszaphar sebagai calon pertama dan Kapten Dr. Faiz Khaleed, 27, sebagai calon kedua.

Selain itu katanya, jawatankuasa berkenaan mengambil kira laporan semua komponen dan pihak yang terlibat dalam melatih kedua-dua angkasawan itu.



SHEIKH MUSZAPHAR (kiri), Malenchenko dan Whitson menunjukkan tanda bagus sehari sebelum berlepas ke angkasa dengan roket Soyuz TMA-11 di Baikonur, Kazakhstan semalam.

Beliau berkata, semasa keputusan itu diumumkan, Sheikh Muszaphar dan Faiz serta krew masing-masing turut hadir.

Mesyuarat setengah jam itu juga bersetuju supaya Faiz dihantar menyertai misi angkasa bagi sesi 2008/09 dan sementara itu dibenarkan turut berlatih di Pusat Latihan Angkasawan Yuri Gagarin, di

Star City, Moscow, Rusia.

Jamaludin berkata, beliau akan mengemukakan cadangan mesyuarat itu mengenai Faiz kepada Kabinet sekembalinya dari pelancaran misi itu.

"Misi ini juga amat signifikan bagi Rusia kerana tahun ini sempena 50 tahun negara itu menghantar satelit pertamanya buatan

manusia (Sputnik)," katanya kepada wartawan Malaysia selepas dimaklumkan oleh mesyuarat jawatankuasa itu di sini semalam.

Program angkasawan negara itu adalah persetujuan timbal-balik pembelian 18 jet pejuang Sukhoi SU-30 MKM bernilai RM3.4 bilion dari Russia dan ditandatangani pada 5 Ogos 2003. - Bernama